

PENDEKATAN DAKWAH OLEH IBU BAPA SUKU BANJAR BAGI MEMBENTUK ANAK PATUH KEPADA AJARAN ISLAM

**Abdul Munir Ismail¹, Abd Rahman bin Abd Ghani¹,
Mohd Noor Daud¹, Shahrulanuar bin Mohamed²**

¹Fakulti Sains Kemanusiaan
Jabatan Pengajian Islam
Universiti Pendidikan Sultan Idris

²Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Email: abdmunir@fsk.upsi.edu.my, abdrahmanghani@fsk.upsi.edu.my,
mohdnoor@fsk.upsi.edu.my, shahrulanuar@utem.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertajuk Pendekatan Dakwah Oleh Ibu Bapa Bagi Membentuk Anak Patuh Kepada Ajaran Islam. Objektif kajian adalah untuk menyelidiki pengamalan nilai-nilai Islam dalam kalangan ibu bapa Banjar bagi membentuk anak taat kepada ajaran Islam. Kajian ini menggunakan metod soal selidik ke atas pelajar berjumlah 160 orang. Hasil kajian mendapati bahawa ibu bapa Banjar dilihat mengajar anak supaya taat kepada Allah dengan akidah yang mantap, akhlak baik dan ilmu-ilmu syariat Allah. Menyuruh dan tegas menyuruh anak menunaikan solat limawaktu, melatih anak berpuasa, mengajar anak membaca Al-Quran, melatih anak menghormati orang yang lebih tua, menjaga batas-batas aurat, menjaga makan minum, mengajar anak menghormati para guru, mengawal emosi, perancangan masa depan anak, menegur kelakuan anak dan melarang anak-anak memakai pakaian mendedah aurat.

KATA KUNCI: pendekatan dakwah, ibu bapa Banjar, pembentukan anak, taat ajaran Islam

1.0 PENDAHULUAN

Dakwah adalah suatu usaha murni mengajak manusia secara hikmah untuk melakukan perkara kebaikan dan mencegah daripada melakukan perbuatan yang melanggar peraturan agama dan tata susila masyarakat setempat. Usaha dakwah hendaklah dilakukan secara berterusan agar mereka yang menyimpang jauh kembali ke pangkal jalan iaitu mengamalkan ajaran Islam. Ibu bapa dari semasa ke semasa

memperingatkan anak-anak mereka supaya istiqamah mendirikan solat lima waktu, berbuat baik sesama manusia serta menjauhkan diri daripada perbuatan yang merosakkan diri dan agama. Kenyataan ini dijelaskan oleh Allah S.W.T. dalam Surah Luqman ayat 17 bermaksud;

“Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya”.

(Surah Luqman, 31:17)

Berdasarkan maksud ayat di atas dapat difahamkan bahawa pembinaan asas sebuah keluarga Islam yang harmonis dan bahagia adalah merujuk kepada peranan ibu bapa mendidik serta mengasuh anak-anak berteraskan ajaran Islam. Lazimnya ibu bapa adalah orang yang paling rapat dengan anak-anak dalam hubungan kekeluargaan. Abdullah Nasih Ulwan (2004) mengatakan bahawa ibu bapa hendaklah menyampaikan dakwah kepada anak-anak mereka secara berterusan dan berhikmah supaya terbentuk sebuah masyarakat yang harmoni, anak-anak patuh kepada ajaran Islam, anak-anak menghormati ke dua ibu dan bapa, guru-guru, alim ulama serta menjauhkan diri daripada melakukan perbuatan keji yang dilarang agama.

1.1 Objektif Kajian

Menyelidiki pengamalan nilai-nilai Islam dalam kalangan ibu bapa Banjar bagi membentuk anak supaya taat kepada ajaran Islam.

1.2 Pernyataan Masalah

Masyarakat orang Banjar dilihat kuat berpegang kepada adat dan budaya yang ditinggalkan oleh orang tua-tua terdahulu. Ibu dan bapa adalah penyambung kepada adat dan budaya Orang Banjar. Bagi memastikan adat dan budaya Islam sentiasa dipatuhi dan dijunjung tinggi, maka ibu dan bapa orang Banjar menerapkan nilai-nilai murni dengan berpegang teguh kepada ajaran Islam. Hasilnya ramai tokoh ulama dapat dilahirkan dari suku kaum Banjar.

Terdapat beberapa tokoh ulama terkenal dilahirkan di Daerah Krian. Antaranya ialah Tan Sri Dr. Haji Harussani bin Haji Zakaria yang kini adalah Mufti Kerajaan Negeri Perak. Beliau dilahirkan di Parit Tok Ngah, Tanjung Piandang, Parit Buntar, Perak. Banyak sumbangan beliau yang berupa khidmat masyarakat, penglibatan dalam bidang penulisan, penerbitan buku ilmiah disebarluaskan kepada masyarakat

setempat dan amnya kepada rakyat Malaysia. Selain itu, Allahyarham Tuan Guru Haji Sabran bin Haji Asmawi yang dilahirkan di Kampung Sungai Malau, berdekatan Changkat Lobak, Bagan Serai, Daerah Kerian merupakan seorang tokoh pendakwah, tokoh pendidik yang tidak asing lagi di kalangan masyarakat setempat. Seterusnya Syeikh Husein Kedah Al-Banjari, merupakan mantan mufti Kerajaan Kedah disegani ramai kerana ketinggian ilmu agamanya. Demikian juga Ustaz Haji Ahmad Awang yang berasal daripada Simpang Empat Semanggol, Bagan Serai, Perak merupakan mantan Persatuan Ulama Malaysia.

Sementara itu, dilihat pada penempatan Orang Banjar di Daerah Krian, didapati terdapat banyak masjid dan surau didirikan berdekatan dengan penempatan penduduk. Institusi masjid dan surau bukan sahaja berfungsi sebagai pusat ibadat, tetapi dimanfaatkan sebaik mungkin untuk kegiatan kemasyarakatan seperti mengadakan mesyuarat, program gotong royong, pusat pertemuan kaum wanita dan sebagainya. Berasaskan perpaduan yang kukuh, masyarakat orang Banjar hidup dalam situasi aman damai.

Berdasarkan kenyataan di atas, timbul persoalan sejauh manakah orang Banjar di Daerah Krian masih lagi mempertahankan ajaran Islam yang diwarisi oleh orang tua terdahulu sehingga melahirkan ramai tokoh ulama terkemuka. Adakah ibu bapa suku kaum Banjar wajar dijadikan sebagai contoh teladan mendidik anak mereka supaya patuh kepada ajaran Islam, menjalankan usaha-usaha dakwah mengajak kepada kebajikan dan mencegah kemungkaran serta mengetahui kaedah interaksi ibu bapa dengan anak secara harmoni. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pendekatan dakwah ibu bapa kaum Banjar bagi membentuk anak soleh dan patuh kepada ajaran Islam.

2.0 PENDEKATAN DAKWAH IBU BAPA TERHADAP PEMBENTUKAN ANAK

Jika diteliti secara mendalam istilah dakwah bermaksud mengajak orang lain berbuat kebajikan dan melarang melakukan kejahanan dengan cara berhikmah. Matlamat akhir dakwah adalah untuk menjadi manusia yang berguna untuk diri sendiri, keluarga, masyarakat, agama dan negara. Manusia tidak kenal Allah tanpa dakwah Islam sampai ke negara ini melalui pelbagai metod. Manakala pendidikan merupakan suatu perkara penting yang menjadi asas bagi menentukan jalan menuju kecemerlangan hidup seseorang. Pengalaman didikan yang diterima akan membentuk cara berfikir dan tingkah laku oleh seseorang

itu. Abdul Rashid Ahmad (1991) menjelaskan pendidikan merupakan suatu aspek yang sangat penting dan perlu diberikan perhatian khusus agar dapat menjadi seorang insan yang terbaik dalam kalangan umat manusia. Istilah pendidikan, disebut juga sebagai tarbiyyah di dalam bahasa Arab merupakan satu elemen penting, bukan sahaja melibatkan fizikal malahan turut menekankan aspek rohani dan akal.

Istilah dakwah dan pendidikan merupakan gabungan unsur yang terdapat dalam diri manusia dan memberi kesan kepada tingkah laku seseorang. Sementara itu anak-anak adalah merujuk kepada anugerah Allah kepada manusia yang disatukan bergelar ibu dan bapa. Anak dilahirkan dalam keadaan fitrah dan suci murni ibarat kain putih bersih tanpa sebarang kotoran. Maka menjadi tanggungjawab ibu bapa mencorak dan memberikan pendidikan yang sewajarnya kepada anak-anak. Kasih sayang keluarga menjadikan pendidikan itu lebih berkesan kerana anak-anak amat rapat dengan ibu bapa masing-masing dan sentiasa bersama mereka. Bak kata pepatah Melayu, ‘melentur buluh biarlah dari rebungnya’ kerana anak-anak diibaratkan kain putih yang dicorakkan oleh ibu bapa mereka. Jadi terpulanglah kepada ibu bapa untuk mencorakkan kehidupan anak-anak mereka menuju kepada kebaikan ataupun sebaliknya. Menurut Halimah dan Kamariah (1993), mengatakan bahawa ibu bapa merupakan orang berperanan penting dalam pembentukan peribadi anak-anak. Didikan awal yang sempurna boleh menjamin kejayaan anak-anak di masa hadapan agar tidak terjebak kepada perbuatan yang negatif dan menyimpang daripada ajaran Islam.

Selain itu, anak-anak merupakan anugerah dan amanah Allah S.W.T. yang mesti dididik dengan baik. Anak-anak menjadi tempat bergantung para ibu bapa di masa hadapan yang tidak ternilai untuk menghiasi kehidupan setiap ibu bapa. Fungsi anak kepada kedua ibu bapa semasa hidup di dunia sangat besar sedangkan di akhirat kelak anak-anak merupakan tanaman wangi orang tua di syurga. Firman Allah S.W.T.:

Maksudnya, harta benda dan anak pinak itu ialah perhiasan hidup di dunia, dan amal-amal soleh yang kekal faedahnya itu lebih baik pada sisi Tuhanmu sebagai pahala balasan, dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan.
(Surah al-Kahfi, 18: 46)

Dalam ayat yang lain Allah berfirman maksudnya:

Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan

jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertaqwa.
(Surah al-Furqan, 25: 74)

Berdasarkan maksud kedua-dua ayat di atas dapat difahamkan bahawa anak adalah amanah Allah yang perlu diberi bimbingan berasaskan syariat Islam. Jika anak tidak diuruskan dengan sempurna, kelak akan mendatangkan pelbagai masalah kepada ibu bapa, masyarakat dan negara. Justeru, kewajipan mendidik anak adalah suatu tugas yang tidak boleh dipandang ringan oleh sebahagian masyarakat kini.

Ismail Zain (2001) menjelaskan bahawa pendidikan dan dakwah kepada anak-anak bermula sejak dalam kandungan. Lazimnya sebelum kelahiran anak, ibu bapa perlu menyediakan kemudahan tempat tinggal yang sesuai dan selesa untuk membesarakan anak-anak. Alam dunia pertama akan dilihat oleh anak adalah kedua ibu bapanya. Menjadi tanggongjawab ibu bapa berusaha untuk membentuk suasana yang harmoni dan mempunyai ciri-ciri keislaman dalam kehidupan berumahtangga. Hal ini sangat penting bagi menjamin kesempurnaan dalam mendidik anak-anak. Proses pendidikan anak-anak bermula sejak masih bayi lagi. Dalam hal ini, pendidikan lebih berfokus kepada aspek kerohanian. Ibu-ibu yang sedang mengandung hendaklah membaca al-Quran, berzikir, bermunajat dan banyak melakukan solat sunat sebagai amalan rutin. Amalan membaca al-Quran terutamanya Surah Yusuf, Maryam, Luqman dan al-Tawbah sangat digalakkan hingga saaat melahirkan anak. Terdapat banyak kelebihan pada surah-surah tersebut. Antaranya kepada ibu mengandung hendaklah selalu membaca dan memperdengarkan ayat-ayat suci kepada kandungan pada setiap waktu dan ketika sebagai terapi untuk bayi. Sebenarnya bayi yang berada dalam kandungan perut ibu dapat mendengar ayat Al-Quran dan inilah kaedah ibu membentuk didikan akhlak yang sempurna berpandukan Al-Quran. Selain itu mengamalkan doa-doa untuk memudahkan kelahiran dan mendapat zuriat yang soleh. Doa kesejahteraan dipohon kepada Allah supaya ahli keluarga berada di bawah rahmat Allah sepanjang masa. Antara doa yang diamalkan oleh Nabi Ibrahim a.s. seperti mana yang dinyatakan dalam al-Quran bermaksud,

Wahai Tuhan! kurniakanlah kepadaku anak yang tergolong daripada orang-orang yang soleh!. Lalu Kami berikan kepadanya berita yang menggembirakan, bahawa ia akan beroleh seorang anak yang penyabar.
(Surah Al-Safat, 37: 100 -101)

Berdasarkan penjelasan ayat di atas, dapat difahamkan bahawa usaha dan berdoa kepada Allah secara istiqamah akan membawa hasil.

Umat Islam sewajarnya mengambil iktibar daripada kisah Nabi Ibrahim yang tidak putus-putus berdoa dan akhirnya Allah memperkenankan doa tersebut. Di samping itu, para ibu bapa perlu mencari rezeki halal dalam mendidik anak-anak bertujuan bagi memastikan anak-anak membesar dengan makanan berkhasiat lagi diberkati.

Perbincangan tentang konsep pendidikan dan dakwah kepada anak-anak hendaklah dilaksanakan secara berterusan. Rasulullah SAW membahagikan pendidikan kepada beberapa peringkat. Antaranya ialah peringkat umur setahun hingga tujuh tahun. Dalam peringkat umur ini, Rasulullah SAW menyarankan bahawa ibu bapa perlu memberi kasih sayang yang melimpah kepada anak-anak. Seterusnya pada peringkat umur tujuh hingga empat belas tahun. Rosnaini Hamid (2004) menjelaskan bahawa pada peringkat umur ini, ibu bapa perlu mendisiplinkan anak-anak mereka dengan memberi penjelasan dan keterangan yang sesuai dengan situasi setempat. Sebagai contoh, ibu bapa menyuruh anak menunaikan solat bersama ibu bapa, berpuasa di bulan Ramadan, menunjukkan cara menghormati orang lebih tua, bersimpati kepada orang ditimpa musibah dan sebagainya. Kenyataan ini sesuai dengan kaedah Rasulullah SAW mendidik anak-anak tentang suruhan seta latihan menunaikan solat, berpuasa, berbakti kepada ibu bapa, berakhlaq mulai dan lain-lain lagi.

Pada peringkat umur anak-anak menjangkau 14 hingga 21 tahun, ibu bapa disarankan supaya mendidik anak-anak secara rasional dan berhikmah. Pada waktu ini anak-anak perlu dijadikan sebagai teman dan mendidik mereka dengan lebih berlemah lembut serta berkasih sayang. Ibu bapa sewajarnya mengajar anak-anak untuk bersikap lebih bertanggunjawab. Anak-anak lelaki perlu didekati oleh bapa sebagai kawan. Manakala anak-anak perempuan didekati oleh para ibu kerana mereka lebih memahami naluri seorang wanita. Selain itu, anak-anak juga perlu dididik dengan pendidikan akhlak, akidah dan syariah dengan lebih terperinci bagi membantu mereka untuk mengetahui dan memahami dididikan yang diberikan oleh ibu bapa mereka.

Sementara itu, Maznah & Zakiah (2009) mengatakan bahawa jika dilihat terhadap anak-anak yang mencapai umur 21 tahun ke atas, ibu bapa perlu mendedahkan anak-anak dengan kehidupan sebenar yang bakal dilalui oleh mereka. Ibu bapa berperanan sebagai pemberi nasihat, tunjuk ajar dan bimbingan dengan menegur perbuatan anak-anak secara hikmah sekiranya terdapat perbuatan yang melanggar batasan agama Islam. Ibu bapa perlu menanamkan nilai-nilai murni dalam diri anak-anak supaya mereka boleh menempuh kehidupan mereka dengan sempurna. Selaras dengan Hadis Rasulullah SAW

yang bermaksud ; setiap anak dilahirkan dalam keadaan suci (bersih), maka ibu dan bapanya yang mencorakkan anaknya menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi. (Abu Daud, 1387H).

3.0 METODOLOGI

Dalam kajian ini penyelidik menggunakan metode exploratory melibatkan kajian perpustakaan (library) dan metode kajian lapangan (field research). Metode kajian perpustakaan digunakan sebagai teorikal asas perbincangan awal berkaitan peranan ibu bapa menerapkan mesej dakwah terhadap anak-anak. Mengikut Mohd Majid Konting (1993) pemilihan sampel perlu kepada saiz yang lebih besar agar responden dapat mewakili populasi dan mengurangkan ralat persampelan. Dengan itu, kajian ini menggunakan populasi persampelan agar dapatkan menepati kaedah kajian.

Lokasi, Sampel dan instrumen kajian

Dalam kajian ini digunakan metode soal selidik diedarkan kepada 160 responden terpilih terdiri daripada pelajar suku Banjar di empat buah sekolah menengah dalam daerah Krian iaitu SMK Tebuk Panchur, SMK Abu Bakar al-Baqir, SMK Bagan Serai dan SMK Parit Buntar di daerah Kerian. Borang kajian diedarkan kepada responden dengan dibantu oleh guru praktikum UPSI sesi 2011/2012 di sekolah-sekolah terpilih tersebut. Dalam kajian ini, responden hanya perlu menjawab setuju atau tidak setuju persoalan berkaitan pendekatan mendidik anak mengenali Allah yang menjadikan manusia dan wajib tunduk kepada-Nya. Pendekatan membimbing dan membentuk anak dengan akhlak baik dan hindari akhlak buruk dalam kehidupan, Pendekatan mengajar dan menyuruh anak solat lima waktu secara istiqamah hingga mencapai cukup umur (baligh), Pendekatan melatih anak berpuasa Ramadan sejak berumur tujuh hingga sepuluh tahun, Pendekatan mengajar anak membaca Al-Quran hingga tamat 30 juzuk dengan hukum Tajwid, Pendekatan melatih anak menghormati orang yang lebih tua, menyayangi orang yang lebih muda dan memuliakan rakan sebaya, Pendekatan menjaga batas-batas aurat ketika berada dalam dan luar rumah, Ibu bapa tidak mengambil berat berkaitan halal haram ketika makan minum dalam kehidupan seharian, Pendekatan Ibu Bapa mengajar anak menghormati para guru dan menziarahi pada waktu tertentu, Ibu bapa tidak boleh mengawal emosi ketika menghadapi sesuatu masalah, Pendekatan ibu bapa berbincang dengan anak berkaitan perancangan masa depan, Ibu bapa bertegas terhadap anak dalam menunaikan solat lima waktu, Pendekatan menegur anak

berkelakuan kurang sopan supaya lebih beradab, Ibu bapa melarang anak-anak memakai pakaian mendedah aurat.

Metode Analisis Data

Semua data dikumpul, diteliti satu demi satu supaya hasil pengolahan serta menganalisis menepati piawaian. Dalam menganalisis data, penyelidik menggunakan metode induktif dan metode deduktif. Idris Awang (2001) menjelaskan bahawa metode induktif ialah suatu kaedah penganalisaan data melalui proses penarikan kesimpulan data bersifat khusus kepada data bersifat umum. Justeru, bagi mempermudah kajian ini, penyelidik mendapatkan data khusus dan membuat kesimpulan bersifat umum. Adapun dapatan data melalui kaedah soal selidik dibentangkan secara deskritif bertujuan untuk menyokong serta menghurai data daripada maklumbalas soal selidik. Penggunaan dua metode di atas, diharap memperoleh hasil penemuan yang tidak diragui kesahihannya. Data dan maklumat diperolehi melalui metode soal selidik diproses menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 16.0. Penggunaan sistem SPSS versi 16.0 adalah bagi mempercepatkan pengiraan berbanding kaedah manual. Penggunaan metode di atas, diharap hasil penemuan baru memuaskan dan tidak diragui kesahihannya.

4.0 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Terdapat pelbagai pendekatan yang dilakukan oleh ibu bapa Banjar bagi membentuk anak soleh. Antara pendekatan yang digunakan oleh ibu bapa Banjar adalah seperti di bawah :

Pendekatan mendidik anak tentang akidah yang betul, mengenali Allah yang menjadikan manusia dan wajib tunduk kepada-Nya.

Jadual 1: Mendidik anak mengenali Allah yang menjadikan manusia dan wajib tunduk kepada-Nya

Pendapat Responden	Kekerapan	Peratus
Setuju	157	98
Tidak Setuju	3	2
Jumlah keseluruhan	160	100.00

Sumber: Kajian sampel, Jun 2012

Berdasarkan Jadual 1 di atas menunjukkan seramai 157 orang responden daripada 160 responden (98%) menyatakan bersetuju berbanding 3 responden (2%) menyatakan tidak bersetuju bahawa ibu bapa Banjar mendidik anak-anak tentang akidah yang betul, mengajar

anak mengenali Allah yang menjadikan manusia dan disuruh patuh kepada-Nya. Kanak-kanak meningkat remaja lazimnya menuruti sesuatu yang dipamerkan oleh ibu bapa. Jika perbuatan itu baik, maka anak-anak akan mengikut jejak langkah. Begitu juga sebaliknya, anak-anak meniru perbuatan yang menyimpang daripada nilai-nilai kemanusiaan. Oleh kerana masyarakat Banjar dididik dengan ilmu agama yang mantap daripada ulama terdahulu, maka mereka mempraktikkan ilmu tersebut kepada anak-anak. Antaranya ilmu asas mengenal Allah, ilmu yang membatalkan dua kalimah syahadah, hukum hakam yang mudah diingati seperti tidak boleh menyembah berhala, diharamkan minum arak, melakukan zina, berjudi, tenung nasib, syirik kepada Allah dengan sesuatu dan sebagainya. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa majoriti ibu bapa Banjar mendidik anak-anak dengan akidah yang betul dan menitikberatkan pendidikan agama dan ketaatan kepada Allah.

Pendekatan membimbing dan membentuk anak dengan akhlak baik dan hindari akhlak buruk dalam kehidupan.

Jadual 2: Membentuk anak dengan akhlak baik
dan hindari akhlak buruk

Pendapat Responden	Kekerapan	Peratus
Setuju	156	97
Tidak Setuju	4	3
Jumlah keseluruhan	160	100.00

Sumber: Kajian sampel, Jun 2012

Berdasarkan Jadual 2 di atas menunjukkan seramai 156 orang responden daripada 160 orang responden (97%) menyatakan bersetuju berbanding 4 responden (3%) menyatakan tidak bersetuju bahawa ibu bapa Banjar berusaha membentuk anak-anak dengan akhlak baik dan menghindari akhlak buruk dalam kehidupan sehari-hari. Contoh akhlak baik, cara menghormati ibu bapa, guru-guru, jiran tetangga, mengajar tata kelakuan sosial, akhlak bersama kawan-kawan, akhlak dengan haiwan dan akhlak dengan alam sekitar. Membentuk anak dengan akhlak yang baik adalah tanggungjawab ibu bapa yang mesti dilaksanakan secara berterusan. Orang Banjar sentiasa menitik beratkan tentang mendidik akhlak baik kepada anak-anak mereka. Justeru, orang Banjar dilihat suatu yang memalukan jika anak berkelakuan kurang sopan di khalayak. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti ibu bapa Banjar membentuk anak-anak mereka dengan akhlak yang baik dan menghindari akhlak yang buruk. Ini adalah suatu pendekatan ibu bapa Banjar sebagai contoh teladan bagi membentuk anak soleh dan patuh kepada ajaran Islam. Kenyataan ini adalah selaras dengan kehendak ajaran Islam.

Pendekatan mengajar dan menyuruh anak solat lima waktu secara istiqamah hingga mencapai cukup umur (baligh)

Jadual 3: Mengajar dan menyuruh anak solat lima waktu secara istiqamah hingga mencapai cukup umur (baligh)

Pendapat Responden	Kekerapan	Peratus
Setuju	133	97
Tidak Setuju	27	3
Jumlah keseluruhan	160	100.00

Sumber: Kajian sampel, Jun 2012

Jadual 3 di atas menunjukkan seramai 133 responden daripada 160 orang responden (83%) menyatakan bersetuju berbanding 27 responden (17%) menyatakan tidak bersetuju bahawa ibu bapa Banjar mengajar dan menyuruh anak-anak menunaikan solat lima waktu secara berterusan sehingga baligh. Dalam hal ini, orang Banjar memastikan anak mereka bersolat sekurang-kurangnya solat maghrib dan insyak di rumah. Nabi telah berpesan kepada umatnya bahawa solat adalah tiang agama. Barang siapa yang tidak bersolat, maka dia adalah orang yang meruntuhkan agamanya. Juga Nabi berpesan supaya memukul dengan tujuan mendidik kepada anak yang mencapai usia sepuluh tahun jika diengkari melaksanakan solat. Ini memberi pengajaran yang berkesan kepada anak tersebut. Kerana itu, ibu bapa Banjar sering mengajar anak mereka bersolat semasa kecil lagi. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti ibu bapa Banjar menitikberatkan tentang solat lima waktu terhadap anak-anak. Walau bagaimanapun, (17%) ibu bapa Banjar tidak menekankan mengenai solat lima waktu sehari semalam terhadap anak-anak mereka.

Pendekatan melatih anak berpuasa Ramadan sejak berumur tujuh hingga sepuluh tahun.

Jadual 4: Melatih anak berpuasa Ramadan sejak berumur tujuh hingga sepuluh tahun

Pendapat Responden	Kekerapan	Peratus
Setuju	149	93
Tidak Setuju	11	7
Jumlah keseluruhan	160	100.00

Sumber: Kajian sampel, Jun 2012

Jadual 4 di atas menunjukkan seramai 133 responden daripada 160 orang (83%) menyatakan bersetuju berbanding 27 responden (17%) menyatakan tidak bersetuju bahawa ibu bapa Banjar mengajar dan menyuruh anak-anak berlatih untuk menahan lapar dan dahaga

selama 14 belas jam iaitu berpuasa di bulan Ramadan pada waktu siang hari secara berterusan sehingga mereka baligh. Kanak-kanak suku Banjar lazimnya saling bersaing sesama rakan-rakan sebaya mengenai jumlah hari berpuasa di bulan Ramadan. Jika jumlah hari berpuasa seorang itu berkurangan, maka dianggap tidak menghormati bulan Ramadan yang mulia ini. Ada juga ibu bapa yang memberikan pelbagai galakan kepada anaknya supaya dapat menyelesaikan puasa dengan jayanya dengan membeli hadiah menarik seperti baju mahal dan sebagainya. Kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar ibu bapa Banjar berusaha melatih anak-anak mereka untuk berpuasa pada bulan Ramadan sejak berusia tujuh tahun lagi. Ini adalah suatu pendekatan ibu bapa Banjar membentuk anak soleh dan patuh kepada ajaran Islam.

Pendekatan mengajar anak membaca Al-Quran hingga tamat 30 juzuk dengan hukum Tajwid.

Jadual 5: Mengajar anak membaca Al-Quran hingga tamat 30 juzuk dengan hukum Tajwid

Pendapat Responden	Kekerapan	Peratus
Setuju	114	72
Tidak Setuju	46	28
Jumlah keseluruhan	160	100.00

Sumber: Kajian sampel, Jun 2012

Jadual 5 di atas menunjukkan seramai 114 responden daripada 160 orang (72%) mengatakan bersetuju berbanding 46 orang responden (28%) mengatakan tidak bersetuju menyatakan bahawa ibu bapa Banjar mengajar anak-anak membaca Al-Quran sehingga mereka tamat 30 juzuk termasuk kaedah membaca mengikut ilmu hukum tajwid dengan sempurna. Belajar membaca Al-Quran di peringkat kanak-kanak adalah suatu yang dituntut dalam ajaran Islam. Kerana itu, ibu bapa Banjar menjadikan tradisi mengaji Quran sebagai suatu amalan pra sekolah kepada anak-anak mereka pada usia empat hingga lapan tahun. Memupok minat anak membaca al-Quran adalah suatu tanggongjawab ibu bapa hendaklah dipelbagaikan. Antaranya menggunakan kaedah iqrak, kaedah bagdadi dan sebagainya. Pendekatanya mengajar anak supaya minat mempelajari al-Quran juga berbeza antara satu dengan lain. Ibu bapa yang mencorakkannya supaya anak minat mempelajari al-Quran. Hasil kajian menunjukkan ibu bapa Banjar menekankan pendidikan Al-Quran terhadap anak-anak mereka. Ibu bapa dilihat berusaha mengajar anak-anak membaca Al-Quran sehingga tamat

30 juzuk. Pada peringkat akhir dalam tradisi mengaji Quran, anak-anak lelaki dan perempuan mampu mengaji Quran dengan lancar serta fasih selain menguasai hukum tajwid dengan sempurna. Walau bagaimanapun, kajian didapati bahawa terdapat sebahagian kecil ibu bapa Banjar yang tidak menekankan pendidikan Al-Quran terhadap anak-anak mereka.

Pendekatan melatih anak menghormati orang yang lebih tua, menyayangi orang yang lebih muda dan memuliakan rakan sebaya

Jadual 6: Melatih anak menghormati orang yang lebih tua, menyayangi orang yang lebih muda dan memuliakan rakan sebaya

Pendapat Responden	Kekerapan	Peratus
Setuju	158	99
Tidak Setuju	2	1
Jumlah keseluruhan	160	100.00

Sumber: Kajian sampel, Jun 2012

Jadual 6 di atas menunjukkan seramai 158 responden daripada 160 orang (99%) menyatakan bersetuju berbanding 2 orang responden (1%) menyatakan tidak bersetuju bahawa ibu bapa Banjar melatih anak-anak menghormati orang yang lebih tua, menyayangi orang yang lebih muda dan memuliakan rakan sebaya. Dalam budaya orang Banjar, menghormati orang yang lebih tua adalah suatu yang dituntut. Terdapat beberapa istilah yang lazim dipakai oleh orang Banjar kepada orang yang lebih tua daripada seseorang. Antaranya tok guru, ustaz mengaji al-Quran dan sebagainya. Dalam akhlak Islam, menghormati orang yang lebih tua adalah suatu tuntutan. Dari aspek suku kaum, orang Banjar dilihat mengutamakan rakan sebaya yang memahami rakan mereka khususnya zaman persekolahan atau rakan sekerja. Rakan adalah mudah dinasihati atau diberi nasihat supaya berakhlak mulia. Hasil kajian menunjukkan bahawa ibu bapa Banjar sangat prihatin terhadap kepentingan menjaga akhlak terhadap anak-anak mereka. Majoriti ibu bapa Banjar mendidik anak-anak mereka dengan pengamalan akhlak mulia.

Pendekatan menjaga batas-batas aurat ketika berada dalam dan luar rumah

Jadual 7: Menjaga batas-batas aurat ketika berada dalam dan luar rumah

Pendapat Responden	Kekerapan	Peratus
Setuju	143	89
Tidak Setuju	17	11
Jumlah keseluruhan	160	100.00

Sumber: Kajian sampel, Jun 2012

Jadual 7 di atas menunjukkan seramai 143 responden daripada 160 orang (89%) menyatakan bersetuju berbanding 16 orang responden (11%) menyatakan tidak bersetuju bahawa ibu bapa Banjar sentiasa menjaga batas-batas aurat sama ada ketika berada di dalam dan di luar rumah. Menjaga batas-batas aurat yang dimaksudkan di sini ialah batas aurat wanita dengan lelaki yang diharamkan berkahwin seperti anak perempuan dengan bapa kandung, saudara seibu, saudara lelaki sebelah bapa hingga ke atas dan sebagainya. Begitu juga aurat lelaki dengan lelaki ada batasnya. Batas aurat wanita dengan lelaki muhrim, aurat wanita dengan wanita bukan Islam hendaklah dijaga dengan sebaik mungkin. Mengapa Islam sangat menitik berat terhadap ibu bapa mendakwah anak-anak supaya menjaga aurat. Aurat melambangkan peribadi seseorang sahsiah muslim. Jika diabaikan, maka dia juga boleh melanggar syariat Allah sesuka hati terutamanya ketika berada di luar rumah. Kalau dalam rumah pun ibu bapa tidak boleh mendakwah kepada anak-anak supaya menutup aurat, bagaimana pula anak tidak menutup aurat di luar rumah. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti ibu bapa Banjar menjaga batas-batas aurat seperti yang ditetapkan di dalam Islam. Namun begitu, terdapat sebahagian kecil (11%) ibu bapa Banjar yang lalai dalam melaksanakan perintah Allah.

Ibu bapa tidak mengambil berat berkaitan halal haram ketika makan minum dalam kehidupan sehari-hari

Jadual 8: Tidak mengambil berat berkaitan halal haram ketika makan dan minum dalam kehidupan sehari-hari

Pendapat Responden	Kekerapan	Peratus
Setuju	18	11
Tidak Setuju	142	89
Jumlah keseluruhan	160	100.00

Sumber: Kajian sampel, Jun 2012

Jadual 8 di atas menunjukkan seramai 18 orang daripada 160 responden (11%) menyatakan bersetuju berbanding 142 orang responden (89%) menafikan ibu bapa Banjar tidak mengambil berat berkaitan halal haram ketika makan dan minum dalam kehidupan sehari-hari. Melalui pemakanan, seseorang anak membesar menjadi orang yang kuat dari aspek mental dan fizikal. Jika makanan itu bersumberkan makanan haram, tidak suci, meragukan status dan memudaratkan, maka anak membesar sebagai fizikal yang rosak dan mempengaruhi tingkah laku yang tidak sihat. Antaranya anak dilihat lebih agresif tanpa ada belas kasihan terhadap orang lain berbanding anak yang mengambil makanan yang halal dan berkualiti. Ibu bapa hendaklah mengingatkan anak mereka supaya jangan terlalu mudah mendapatkan makanan tanpa menyelidiki status makanan walau pun dalam keadaan terdesak. Selain itu, ingatan anak cepat lemah. Dalam hal ini orang Banjar sangat menitik berat terhadap pembesaran anak mereka. Hasil kajian menunjukkan ibu bapa Banjar dilihat prihatin dan mengambil berat berkaitan halal dan haram dalam pemakanan harian mereka.

Pendekatan Ibu Bapa mengajar anak menghormati para guru dan menziarahi pada waktu tertentu

Jadual 9: Menghormati para guru dan menziarahi pada waktu tertentu

Pendapat Responden	Kekerapan	Peratus
Setuju	103	64
Tidak Setuju	57	36
Jumlah keseluruhan	160	100.00

Sumber: Kajian sampel, Jun 2012

Jadual 9 di atas menunjukkan seramai 103 orang responden daripada 160 orang responden (64%) mengatakan bersetuju berbanding 57 responden (36%) mengatakan tidak bersetuju bahawa ibu bapa Banjar mengajar anak-anak menghormati para guru dan menziarahi pada waktu-waktu tertentu seperti pada bulan Syawal. Guru adalah orang ketiga yang perlu diberi penghormatan tertinggi selain ibu bapa. Guru berfungsi mengajar dan mendidik anak-anak mengetahui sesuatu ilmu yang tidak diketahui oleh seseorang. Guru memberi ilmu tanpa meminta bayaran daripada murid. Guru tidak mengharapkan balasan kecuali ingin melihat anak murid berakhhlak mulia. Menghormati guru adalah tuntutan akhlak dalam Islam. Orang yang tidak menghormati guru tidak akan diberkati oleh Allah SWT kerana mereka ditaratseperti kacang lupukan kulit. Ini perbuatan yang tidak direstui oleh semua orang. Hasil kajian menunjukkan bahawa ibu bapa Banjar dilihat

menghormati pada guru dan sentiasa menziarahi mereka terutamanya pada bulan Syawal iaitu ketika orang Islam menyambut hari raya aidil fitri. Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian ibu bapa Banjar yang kurang prihatin terhadap keutamaan menghormati para guru khususnya kepada guru yang telah mencerahkan ilmu kepada anak mereka ketika di sekolah. Aktiviti menziarahi para guru bertujuan untuk mengeratkan silaturrahim sesama manusia dan mengenang jasa guru mengajar seseorang daripada tidak mengenal huruf (jahil) hingga berjaya.

Ibu bapa tidak boleh mengawal emosi ketika menghadapi sesuatu masalah

Jadual 10: Tidak boleh mengawal emosi ketika menghadapi sesuatu masalah

Pendapat Responden	Kekerapan	Peratus
Setuju	35	22
Tidak Setuju	125	78
Jumlah keseluruhan	160	100.00

Sumber: Kajian sampel, Jun 2012

Jadual 10 di atas menunjukkan seramai 35 responden daripada 160 orang (22%) mengatakan bersetuju berbanding 125 orang responden (78%) mengatakan tidak bersetuju bahawa ibu bapa Banjar tidak boleh mengawal emosi marah ketika menghadapi sesuatu tekanan atau masalah. Beremosi dalam kajian ini ialah perbuatan marah ibu bapa kepada anak-anak. Ada ibu bapa muda yang terlalu beremosi sehingga menyebabkan anak sentiasa takut dan ini mungkin mengganggu proses perkembangan emosi anak tersebut. Marah merupakan sifat normal bagi seseorang. Namun, jika tidak dapat mengawal sifat marah seseorang, boleh menimbulkan implikasi buruk terhadap orang lain terutamanya kepada anak-anak. Antaranya menimbulkan perasaan benci, dendam, tidak memberi kerjasama dan pelbagai kesan negatif. Mengawal emosi ketika marah adalah suatu yang dituntut dalam ajaran Islam kerana marah yang berlebihan adalah perbuatan syaitan. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti ibu bapa Banjar dilihat boleh mengawal emosi marah mereka ketika menghadapi sesuatu masalah. Contohnya ketika menghadapi masalah kewangan, mengalami kesulitan hidup, tekanan perasaan yang keterlaluan dan sebagainya.

Pendekatan ibu bapa berbincang dengan anak berkaitan perancangan masa depan

Jadual 11: Jarang berbincang dengan anak berkaitan perancangan masa depan mereka

Pendapat Responden	Kekerapan	Peratus
Setuju	27	17
Tidak Setuju	133	83
Jumlah	160	100.00
keseluruhan		

Sumber: Kajian sampel, Jun 2012

Jadual 11 di atas menunjukkan seramai 27 orang daripada 160 responden (17%) menyatakan bersetuju berbanding 133 orang responden (83%) mengatakan tidak bersetuju bahawa ibu bapa Banjar tidak pernah mengajak anak-anak mereka berbincang mengenai sesuatu perkara yang melibatkan masa depan anak-anak. Perbincangan ibu bapa dengan anak-anak bagi menentukan hala tuju adalah suatu program yang wajar dibincangkan secara bersama. Ini kerana ibu bapa boleh dijadikan panduan dan ikutan kepada anak-anak yang sedang mencari hala tuju yang positif. Ibu bapa mempunyai pengalaman luas berkaitan selok-belok kehidupan yang kian mencabar. Tunjuk ajar daripada ibu bapa amat penting dalam merangka perancangan hidup seseorang. Perancangan hidup yang berkesan dapat ditempuh melalui gabungan idea antara anak dan ibu bapa. Ibu bapa mungkin mempunyai pengalaman yang luas dan tahu menilai sesuatu terhadap kebajikan anak mereka. Hasil kajian menunjukkan bahawa ibu bapa Banjar sentiasa mengambil pendekatan untuk berbincang dengan anak-anak dalam menentukan sesuatu keputusan yang melibatkan masa depan anak-anak. Anak yang mempunyai perancangan masa yang jelas lazimnya menjalani kehidupan yang penuh bermakna berbanding orang yang tiada perancangan masa depan. Ibu bapa amat berperanan penting dalam hal ini.

Ibu bapa bertegas terhadap anak dalam menunaikan solat lima waktu

Jadual 12: Bertegas terhadap anak dalam menunaikan solat lima waktu

Pendapat Responden	Kekerapan	Peratus
Setuju	139	87
Tidak Setuju	21	13
Jumlah keseluruhan	160	100.00

Sumber: Kajian sampel, Jun 2012

Jadual 12 di atas menunjukkan seramai 139 responden daripada 160 orang (87%) mengatakan bersetuju berbanding 21 orang responden (13%) mengatakan tidak bersetuju bahawa ibu bapa Banjar bersikap tegas terhadap anak-anak yang cuai dalam melakukan solat lima waktu. Ketegasan ibu bapa dalam mendidik anak-anak adalah satu sikap terpuji terutamanya berkaitan suruhan agama seperti sembahyang, puasa dan sebagainya. Sembahyang adalah tiang agama. Untuk menegakkan agama Allah, hendaklah umat manusia itu dididik sejak usia muda lagi. Aktiviti bersolat hendaklah dilatih sejak anak sudah tahu baik buruk, halal dan haram sesuatu perkara. Orang yang tidak solat dianggap sebagai orang yang meruntuhkan agamanya dan hukumannya amat berat. Mereka yang meninggalkan solat dengan sengaja hendaklah dihukum bunuh kerana engkar menunaikan hak Allah ke atas hamba-Nya. Kerana itu, ibu bapa hendaklah mendidik, mengajar dan menyuruh anak-anak menunaikan sembahyang sejak berumur lima tahun lagi. Setelah anak mencapai usia 10 tahun, gunakan pendekatan pukul dengan rotan bertujuan untuk mendidik. Hasil kajian menunjukkan majoriti (87%) ibu bapa Banjar amat tegas dan mengutamakan penjagaan solat lima waktu kepada anak-anak mereka. Ini kerana solat adalah tiang agama. Kerana itu amat wajar ibu bapa Banjar mementingkan anak melaksanakan solat lima waktu sebagai membentuk muslim sejati.

Pendekatan menegur anak berkelakuan kurang sopan supaya lebih beradab

Jadual 13: Tidak menegur anak yang berkelakuan kurang sopan supaya lebih beradab

Pendapat Responden	Kekerapan	Peratus
Setuju	22	14
Tidak Setuju	138	86
Jumlah keseluruhan	160	100.00

Sumber: Kajian sampel, Jun 2012

Jadual 13 di atas menunjukkan seramai 22 responden daripada 160 orang (14%) mengatakan bersetuju berbanding 138 orang responden (86%) mengatakan tidak bersetuju bahawa ibu bapa Banjar tidak

pernah menegur anak yang berkelakuan kurang sopan supaya lebih beradab sopan. Masyarakat Banjar yang majoritinya tinggal di kawasan kampung hidup dalam suasana tegur menegur. Jika anak jiran tetangga dilihat berkelakuan kurang sopan depan khalayak ramai, maka menjadi kewajipan jiran tetangganya menegur secara hikmah agar tidak lagi berkelakuan seperti tersebut. Ini adalah kaedah yang diamalkan oleh kebanyakan penduduk kampung dilakukan secara hikmah lagi bertanggungjawab terhadap agama. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti ibu bapa Banjar dilihat sentiasa mengajar dan menegur anak-anak mereka supaya berkelakuan lebih sopan kerana ini adalah tanggungjawab ibu bapa dalam proses mendidik akhlak anak-anak menjadi manusia terbaik di dunia ini.

Ibu bapa mlarang anak-anak memakai pakaian mendedah aurat

Jadual 14: Membiaran anak Banjar memakai pakaian mendedah aurat

Pendapat Responden	Kekerapan	Peratus
Setuju	18	11
Tidak Setuju	132	89
Jumlah keseluruhan	160	100.00

Sumber: Kajian sampel, Jun 2012

Jadual 14 di atas menunjukkan seramai 18 responden daripada 160 orang (11%) mengatakan bersetuju berbanding 142 orang responden (89%) mengatakan tidak bersetuju bahawa ibu bapa Banjar membiarkan anak mereka memakai pakaian yang tidak menutup aurat. Menutup aurat bagi lelaki muslim dan wanita muslimah adalah wajib hukumnya. Kerana itu, terhadap ibu bapa yang memahami batas-batas aurat dalam Islam sentiasa mengambil berat tentang aspek pakaian menutup aurat. Anak perempuan yang mendedahkan auratnya kepada lelaki mahran seperti tidak memakai tidak memakai tudung kepala, bapanya akan dilaknat oleh Allah hingga anak perempuan tersebut menutup aurat. Di samping memakai pakaian menutup aurat sebagai kewajipan ke atas peribadi muslim dan muslimah, pakaian melambangkan keperibadian Islam seseorang. Anak juga dapat membezakan pakaian seorang Islam dengan pakaian bukan Islam melalui cara menutup aurat. Kerana itu, ibu bapa yang memahami hukum-hukum Islam akan menasihati anaknya supaya menutup aurat dengan sempurna. Sokongan moral kepada anak-anak supaya memakai pakaian menutup aurat ditujukan kewajipan kepada anak lelaki seperti memakai seluar yang menutup hingga paras bawah lutut merupakan suatu kewajipan kepada ibu bapa. Hasil kajian mendapati (89%) ibu bapa Banjar sangat prihatin terhadap pakaian anak-anak mereka supaya sentiasa menutup aurat

sebagai menyelamatkan anak daripada mendapat kemurkaan Allah SWT. Anak-anak Banjar hendaklah memakai pakaian yang menutup aurat khususnya bagi kanak-kanak perempuan.

5.0 KESIMPULAN

Dari aspek pengamalan nilai-nilai Islam dalam kalangan ibu bapa Banjar menjalani kehidupan sehari-hari disimpulkan bahawa ibu bapa Banjar mendidik anak-anak dengan akidah yang betul dan menitikberatkan pendidikan agama serta ketaatan kepada Allah. Membentuk anak-anak dengan akhlak baik dan menghindari akhlak buruk. Ibu bapa Banjar berusaha melatih anak-anak mereka untuk berpuasa pada bulan Ramadan sejak berusia tujuh tahun lagi. Ibu bapa Banjar melatih anak-anak menghormati orang yang lebih tua, menyayangi orang yang lebih muda dan memuliakan rakan sebaya. Ibu bapa Banjar sentiasa mengambil pendekatan untuk berbincang dengan anak-anak dalam menentukan sesuatu keputusan yang melibatkan masa depan anak-anak. Ibu bapa Banjar amat tegas dan mengutamakan penjagaan solat lima waktu. Ibu bapa Banjar membimbang anak memakai pakaian yang menutup aurat.

RUJUKAN

- Abdul Rashid Ahmad. (1991). *Surah Luqman: Suatu Analisa tentang asas-asas pendidikan Luqman dan hubungannya dengan pendidikan Islam dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. Tesis Sarjana Pengajian Islam, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu Daud al-Sajistany Sulayman bin Ash'ath. (1387H). *Sunan*. Jil 1. Kafur: Matba'ah al-Majidi.
- Abdullah Nasih Ulwan. (2004). *Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam*. (Terj. Syed Ahmad Semait). Jil. 1 dan 2. Cet. Ke 13. Singapura: Pustaka Nasional.
- Halimah Ab. Rahman & Kamariah Ibrahim. (1993). *Pengurusan dan Pengelolaan Pusat Pra Sekolah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Idris Awang. (2001). *Kaedah Penyelidikan : Suatu Overview*. Kuala Lumpur, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ismail Zain. (2001). *7 Strategi Pemantauan Pembelajaran Untuk Ibu Bapa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Maznah & Zakiah. (2009). *Persediaan Ibu Bapa Dalam Pendidikan Rohani Terhadap Anak-Anak: Kajian Di Taman Batu Permai*, Kuala Lumpur, *Jurnal Ilmiah*, Johor: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Misnan Jemali. (2010). *Pembinaan Instrumen Amalan Keibubapaan Islam Di Malaysia*. Artikel ini dibentangkan di Seminar Persidangan Serantau Pendidikan Islam 2010 bertempat di UPSI.

Mohd Majid Konting. (1993). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.